

MAHATHIR - KONTRAK

1984

KUALA LUMPUR, 6 APRIL (BERNAMA) -- KERAJAAN TELAH MEHDAPAY JAMINAN SELAMAT TUJUH TAHUN DARI PIHAK KONTRAKTOR YANG MEMBINA PELABUHAN KUANTAN BAGI MEMBAIKINYA, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA DIBAWAH KONTRAK ITU, PIHAK KONTRAKTOR MEMBERI JAMINAN AKAN MEMBAIKI SEGALA KEROSAKAN STRUKTUR PELABUHAN ITU SECARA PERCUMA DALAM TEMPO TUJUH TAHUN.

INI MERUPAKAN KONTRAK YANG PALING LAMA DIBERIKAN KEPADA MANA-MANA PROJEK, TAMBAHNYA DALAM SAUT SIDANG AKHBAR HARI INI.

BELIAU MENAFIKAN SEBUAH LAPORAN AKHBAR KONONNYA PELABUHAN KUANTAN TERPAKSA MENGELUARKAN BELANJA \$11 JUTA KERANA LAMBAT DISIAPKAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PROJEK MENYIAPKAN PELABUHAN ITU SIAP SEBULAN LEBIH AWAL DARI JADUAL DAN PEMBELANJAANNYA TETAP SEPERTI DALAM KONTRAK ASAL.

"BAGAIMANAPUN SEMASA PEMBINAAN BERJALAN, ADA YANG BERPENDAPAT INI DAN ITU PASTI DITAMBAH DAN INI MEMBUATKAN KERAJAAN TERPAKSA MEMBAYAR LEBIH." KATANYA. -- LAGI 2010/II
MAHATHIR - KONTRAK 2 KUALA LUMPUR

MENGENAI DASAR PANDANG KE TIMUR, PERDANA MENTERI MENJELASKAN PEMBERIAN KONTRAK KEPADA JEPUN DAN KOREA TERPAKSA DIBERIKAN KERANA RAKYAT MALAYSIA MASIH BELUM MEMPUYAI KEMAMPUAN UNTUK MEMBINA KILANG-KILANG.

JIKA TIDAK DIBERIKAN KEPADA JEPUN DAN KOREA, JELASNYA, KONTRAK ITU TERPAKSA DIBERI KEPADA AUSTRALIA, JERMAN BARAT ATAU NEGARA LAIN.

KATANYA, JIKA DIBERI KONTRAK KEPADA KONTRAKTOR TEMPATAN, ADA YANG MEMBUAT TAWARAN TERLALU TINGGI DAN BUDAH TENTU TIDAK DAPAT KONTRAK ITU MANAKALA YANG MEMBUAT TAWARAN RENDAH PULA, BILA DIBERI KERJA MENIMBULKAN MASALAH KERANA MEMINTA PERUNTUKAN LEBIH DENGAN ALASAN HARGA MAIK.

"INI AKHIRNYA MEMBUAT KITA TERPAKSA BAYAR LEBIH DARI HARGA ASAL DAN MASA YANG DIAMBIL UNTUK MENYIAPKAN BANGUNAN JUGA LAMA DARI YANG TERDAPAT DALAM KONTRAK."

"SAYA BOLEH TUNJUKKAN BEBERAPA BANYAK BANGUNAN YANG SEDANG ATAU TELAH DIBINA DI KUALA LUMPUR YANG TIDAK SIAP DALAM JANGKA MASA YANG DIJANJIKAN DAN BAYARAN YANG DLKENAKAN JAUH LEBIH TINGGI DARI KOS ASAL." TAMBAHNYA. -- BERNAMA 2023/II